



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

9 Ogos 2017

1. Budak maut anjing peliharaan gigit tengkuk ; Harian Metroms41
2. Anjing liar ancam keselamatan penduduk ; Berita Harian ms13
3. Masalah Telur beracun merebak ke Eropah ; Berita Harian ms38

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : GLOBAL	M/SURAT: <input type="text" value="41"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
9 OGOS 2017			

Budak maut anjing peliharaan gigit tengkuk

Malang (Indonesia): Seorang budak perempuan berusia lapan tahun mati selepas diserang seekor anjing daripada baka Pitbull peliharaan keluarganya.

Mayat Ramiza Bazigha ditemui dengan kesan cedera di leher dipercayai akibat digigit anjing itu di pekarangan rumah keluarganya di sini pada Ahad lalu.

Jurucakap polis, Bindriyo berkata, mayat kanak-kanak itu ditemui nenek mangsa yang kemudian meminta bantuan jiran untuk membawanya ke hospital.

“Ketika ditemui ada kesan luka di leher akibat digigit anjing peliharaan keluarganya. “Ketika kejadian kanak-kanak itu berseorangan dan tiada siapa menyedar mangsa diserang,” katanya kepada detikcom semalam.

Media melaporkan, kanak-kanak itu diserang anjing berkenaan ketika mahu mengambil anak patungny yang terjatuh ke dalam kandang haiwan berkenaan.

Anjing itu juga dilaporkan sudah lama dibela keluarga mangsa dan dirantai ketik kejadian.

Bindriyo memberitahu, pihak berkuasa masih menyiasat kejadian itu dan anjing berusia empat tahun berkenaan turut dirampas. - Agensi



FAKTA
Ramiza berseorangan ketika diserang anjing peliharaan keluarganya

KESAN darah pada mulut dan kaki anjing yang menyerang Ramiza. - Agensi

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat M/SURAT/M/SURAT: <input type="text" value="13"/>		RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
9 OGOS 2017			

Rabu, 9 Ogos 2017 Ms. 13

→ HALAMAN KOTA



(FOTO: I. MANIBARU/BI)

Sekumpulan anjing liar yang didakwa mengancam penduduk Jalan Gurdruwa, Buntong, Ipoh.



Seorang penunggang basikal melintasi hadapan anjing liar di Jalan Gurdruwa, Buntong.

Anjing liar ancam keselamatan penduduk

● Populasi haiwan tidak terkawal kini dianggarkan mencecah 30,000 di Ipoh

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my
■ Ipoh

Populasi anjing liar di bandar raya ini semakin meningkat dengan anggaran terkini mencecah 30,000 sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan warga kota.

Peningkatan populasi haiwan itu yang semakin tidak terkawal, menimbulkan kebimbangan penduduk termasuk penduduk di sekitar Jalan Buntong, Buntong, di sini, yang menjadi lokasi tertinggi jumlah anjing liar.

Haiwan itu dikatakan sering mengganggu sehingga mengancam keselamatan. Ini ditambah dengan perkembangan terkini wabak anjing gila yang baru-baru ini turut melanda satu kawasan di negeri ini.

Difahamkan, jalan berkenaan mempunyai kira-kira 20 anjing liar yang sering mengancam keselamatan orang ramai sehingga menyebarkan kemalangan membabitkan penunggang basikal dan motosikal. Malah, ada juga yang cedera dipukul anjing berkenaan.

Tinjauan di sekitar Jalan Buntong mendapati kawasan itu antara lokasi tumpuan anjing liar berkumpulan dan kadangkala menyerang orang ramai sama ada yang berjalan, mengayuh basikal atau menunggang motosikal.

Ini menyebabkan ada penduduk trauma untuk menggunakan laluan itu.

Pernah dikerja anjing
Penduduk, Wong Mun Yee, 70, berkata dia pernah terjejak dan tercedera kerana dikejar anjing tahun lalu ketika mengayuh basikal.

"Sampai hari ini saya masih terbayang kejadian itu dan tidak dapat melupakan apabila dikejar lima ekor anjing liar," katanya yang kerap kejutkan berkesanan.

Vip Swee Chuan, 66, yang turut mengalami pengalaman dikejar anjing, mendakwa dia mengalami kemalangan kecil akibat kejadian itu.

"Ketika menunggang motosikal ke kedai untuk bersarapan, saya panik dan takut apabila anjing tiba-tiba mengejar hingga menyebarkan terkejut," katanya.

Sementara itu, Malis Kandaraya Ipoh (MBI) bekerjasama dengan Persatuan Menentang Keselamatan Terhadap Binatang Ipoh (ISPCA) bagi melaksanakan program TNR dengan kerjasama MBI bagi menyelesaikan masalah anjing liar.

"Pembinaan anjing sangat cepat dan boleh menghasilkan lebih 12,800 ekor anjing dalam tempoh lima tahun jika tidak dikawal. Malah program ini, kita menyasarkan untuk menyelesaikan sebanyak 15 peratus daripada 30,000 anjing liar di Ipoh dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Sejak melaksanakan program itu pada April lalu, pihaknya sudah melaksanakan TNR ke atas 314 ekor anjing liar.

MBI tidak pernah berhenti untuk mengurangkan anjing liar termasuk bekerjasama dengan ISPCA bagi melaksanakan program TNR bagi mengurangkan haiwan itu membiak tanpa kawalan," kata-nya.

Cepat membiak
Dalam pada itu, Presiden ISPCA, Soong Wai Chiew, berkata program TNR dengan kerjasama MBI bagi menyelesaikan masalah anjing liar.

"Pembinaan anjing sangat cepat dan boleh menghasilkan lebih 12,800 ekor anjing dalam tempoh lima tahun jika tidak dikawal. Malah program ini, kita menyasarkan untuk menyelesaikan sebanyak 15 peratus daripada 30,000 anjing liar di Ipoh dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Sejak melaksanakan program itu pada April lalu, pihaknya sudah melaksanakan TNR ke atas 314 ekor anjing liar.

Aldrich Low Guo Nan,
Ahli Majlis MBI

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Dunia	M/SURAT: <input type="text" value="38"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input checked="" type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
9 OGOS 2017			



Agensi Piawaian Makanan sedang giat menyiasat agihan telur tercemar di Britain.

Masalah telur beracun merebak ke Eropah

Brussels: Britain dan Perancis berkata, sesetengah telur yang dicemari racun serangga mungkin memasuki negara itu, ketika jutaan ternakan ayam bakal dihapuskan di Belanda dalam skandal pencemaran yang kian serius di Eropah.

Belgium sementara itu, berikrar untuk telus sepenuhnya mengenai kenapa ia merahsiakan masalah itu, walaupun mendapat maklumat sejak Jun lalu mengenai masalah fipronil, bahan yang berbahaya kepada manusia.

Pasar raya di Jerman, Belanda dan Belgium menarik balik jutaan telur dari rak mereka sejak Belgium memaklumkan Suruhanjaya Eropah (EC) pada notis pertama 20 Julai lalu, diikuti peruncit di Sweden dan Switzerland.

Siasat segera
Suruhanjaya itu berkata, mengikut sistem makluman pantas EU, ia sudah mengenal pasti telur yang disyaki tercemar dan turut diagihkan ke Perancis dan Britain menerusi Jerman.

"Kini terpulang kepada Sweden, Switzerland, Perancis dan Britain untuk memeriksanya kerana semua telur ini boleh dikesan," kata jurucakap EC, Anna-Kaisa Ikonen kepada media.

Agensi Piawaian Makanan Britain berkata, ia sedang menyiasat dengan segera agihan telur terbabit di Britain dari ladang di tengah-tengah kebimbangan itu, sambil menambah, "Jumlah telur terbabit agak kecil dan risiko terhadap orang awam amat rendah."

Ia bagaimanapun tidak memberi jumlah telur, namun berkata ia mewakili 0.0001 peratus telur yang diimport setiap tahun ke Britain.

Fipronil ditemui
Kerajaan Perancis berkata, 13 kumpulan telur Belanda tercemar dengan fipronil ditemui di dua kilang pemprosesan di barat negara itu.

Sementara itu, pertubuhan peladangan Belanda, LTO berkata, jutaan ternakan ayam mungkin terpaksa dihapuskan di 150 syarikat negara itu, sementara 300,000 lagi sudah dimusnahkan. Ternakan itu terpaksa dihapuskan kerana pencemaran.

AFP